Invest Malaysia 2015
'Menghadapi Cabaran Ekonomi Semasa Malaysia'
Kuala Lumpur, 23 April 2015

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana dapat hadir di Invest Malaysia 2015. Acara ini berlangsung ketika transformasi yang besar sedang berlaku di dunia, rantau ini dan Malaysia. Perubahan ini termasuklah dunia sedang menjadi lebih saling berhubung, bersepadu dan saling bergantung di dalam dan merentas negara. Perubahan ini juga mencerminkan peralihan yang ketara dalam struktur demografi kawasan-kawasan utama di dunia dan transformasi landskap kewangan antarabangsa yang nyata berikutan pembaharuan dalam pengawalseliaan antarabangsa yang didorong oleh Krisis Kewangan Global baru-baru ini. Perubahan dalam pengaturan institusi yang berlaku secara lebih perlahan namun tidak kurang dari segi jangkauan, sedang mengubah keadaan antarabangsa dan serantau. Perubahan asas seterusnya ialah pergantungan lebih besar terhadap tindak balas dasar monetari yang tidak konvensional dan tidak pernah dilaksanakan sebelum ini, yang lantas membawa kita ke persekitaran yang belum pernah diterokai. Dan akhir sekali, dunia juga sedang melalui transformasi yang ketara dalam aliran kewangan, maklumat dan tenaga mahir merentas sempadan.

Ucapan saya hari ini akan menyentuh tiga perkara utama: cabaran semasa yang dihadapi oleh ekonomi global dan domestik dalam persekitaran baharu; kekuatan dalaman ekonomi Malaysia yang membolehkan negara mengharungi tempoh yang lebih mencabar; dan akhirnya profil perubahan baharu dalam landskap pelaburan Malaysia dan kesannya terhadap prospek ekonomi kita.

Cabaran Utama dan Prospek Ekonomi Dunia dan Domestik

Pertemuan kita hari ini berlaku ketika persekitaran ekonomi dan kewangan antarabangsa telah menjadi semakin mencabar. Hal ini sebahagian besarnya disebabkan oleh tahap ketidakpastian lebih tinggi yang dihadapi dalam beberapa perkara di dunia hari ini. Pertama, ketidakpastian mengenai prospek pertumbuhan global selepas dilanda Krisis Kewangan Global. Ketidakpastian yang berlanjutan ini memberikan kesan terhadap sentimen dan keyakinan. Kedua, keadaan turun naik pasaran komoditi dan kewangan yang lebih ketara. Peralihan mudah tunai global secara besar-besaran semakin mencetuskan turun naik aliran modal yang ketara, yang memberikan kesan besar terhadap pasaran aset dan pertukaran asing.

Ketiga, ketidakpastian yang meningkat dalam persekitaran dasar ekonomi global dari segi tahap dan masa perubahan dasar dilaksanakan. Khususnya, ketidakpastian berhubung dengan masa penamatan dasar yang sangat akomodatif dan implikasi pendirian dasar monetari berbeza-beza yang sedang dilaksanakan oleh ekonomi utama. Keempat, ketidakpastian berhubung dengan pelaksanaan pembaharuan struktur untuk menangani ketegaran dan kekurangan struktur yang wujud semasa Krisis Kewangan Global. Kelima dan terakhir ialah ketidakpastian yang agak nyata mengenai keadaan geopolitik dunia sekarang. Secara kumulatif, perkembangan

tersebut telah memburukkan lagi ketidakpastian yang membelenggu ekonomi global.

Dalam keadaan ketidakpastian yang ketara ini, ekonomi global diunjurkan untuk mencatat pemulihan pada kadar yang lebih sederhana pada tahun 2015. Oleh itu, cabaran ekonomi global yang paling ketara adalah untuk memastikan pemulihan ekonomi yang seimbang dan berterusan. Walaupun momentum pertumbuhan beberapa ekonomi utama telah bertambah baik, pertumbuhan sehingga kini masih sederhana. Selain itu, kelemahan beberapa ekonomi utama terus menunjukkan bahawa ekonomi global masih terdedah kepada risiko pertumbuhan menjadi lebih rendah. Walaupun prestasi pertumbuhan kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun dijangka sederhana, namun sebagai satu kumpulan, ekonomi pasaran sedang pesat membangun kekal sebagai pendorong utama pertumbuhan ekonomi dunia. Sektor luaran yang kurang memberangsangkan, permintaan dalam negeri yang lebih perlahan dan faktor tertentu dalam negeri adalah antara faktor penyumbang prestasi pertumbuhan sedemikian. Di Asia, pertumbuhan bagi tahun 2015 dijangka kekal pada 6.4%, manakala pertumbuhan ASEAN-5 diunjurkan sekitar 5%.

Satu lagi fenomena yang memberikan kesan terhadap prestasi ekonomi global ialah kejatuhan harga minyak dunia yang ketara. Meskipun kejatuhan harga ini sebahagiannya telah mengimbangi momentum pertumbuhan yang lebih lemah daripada jangkaan di beberapa negara maju, kejatuhan harga ini telah menyebabkan ekonomi pengeksport minyak terjejas dengan teruk dan pada tahap yang berbeza, lalu membawa kepada prestasi pertumbuhan yang berbeza merentas dan di dalam rantau. Walau bagaimanapun, ekonomi global secara keseluruhan dijangka mendapat manfaat daripada harga minyak yang lebih rendah. Perkembangan terkini lain yang berlaku ialah kesan pelaksanaan dasar monetari yang belum pernah dilaksanakan dan berbeza-beza dalam ekonomi utama yang kini menyebabkan kesan limpahan dasar yang ketara ke kawasan lain di dunia. Berlatarkan perkembangan ini, pasaran kewangan dijangka mengalami turun naik yang lebih ketara pada tahun 2015.

Dengan tahap keterbukaan ekonomi dan sistem kewangan Malaysia, sudah tentulah negara kita dipengaruhi oleh perkembangan global ini. Walau bagaimanapun, kesannya perlu dilihat dari perspektif faktor yang mendasari ekonomi kita. Malaysia menerima kesan perkembangan luaran tersebut menerusi aliran perdagangan dan modal. Struktur ekonomi dan eksport kita yang pelbagai telah mengurangkan kesan kejatuhan harga minyak yang teruk ke atas ekonomi. Walaupun akaun semasa imbangan pembayaran dijangka mengecil, akaun tersebut dijangka kekal dalam keadaan lebihan. Peralihan dalam mudah tunai global telah menyebabkan aliran keluar yang agak besar daripada ekonomi sedang pesat membangun, termasuk Malaysia, lalu menyebabkan keadaan turun naik dalam pasaran kewangan dan penyusutan nilai mata wang negara. Di sebalik perkembangan ini dan berikutan prestasi cemerlang pada tahun 2014, ekonomi negara dijangka kekal pada trajektori pertumbuhan yang stabil. Pertumbuhan ekonomi diunjurkan dalam lingkungan 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2015, dengan pertumbuhan didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri.

Asas-Asas Makroekonomi Kukuh

Pembinaan asas-asas dan daya tahan merupakan langkah terbaik untuk menangani kesan limpahan daripada perkembangan dan kejutan luaran yang akan datang. Sepanjang beberapa dekad yang lalu, Malaysia dari semasa ke semasa telah berupaya bangkit daripada kancah kejutan harga komoditi, krisis kewangan dan kesan limpahan akibat gangguan yang berlaku di kawasan lain di dunia. Walaupun Malaysia akan terus menerima kesan perkembangan luaran sedemikian, strategi yang diambil adalah untuk mempunyai fleksibiliti menyerap dan menyelaras, selain kekuatan untuk bangkit semula dengan pantas.

Walaupun setiap krisis atau gangguan adalah berbeza, terdapat beberapa ciri persamaan yang membolehkan Malaysia pulih dengan cepat daripada kejutan sedemikian.

Malaysia mencatat pemulihan berbentuk V setiap kali berlakunya kejutan besar yang melanda ekonomi negara. Ini pada dasarnya mencerminkan fleksibiliti ekonomi negara untuk membuat penyelarasan dan mengambil tindak balas dasar yang cepat dan menyeluruh. Tempoh selepas itu sering dikaitkan dengan pembaharuan struktur dan pembangunan institusi yang dirangka untuk membina semula asas-asas ekonomi, menangani kelemahan dan keadaan mudah terjejas, serta membangunkan bidang pertumbuhan baharu. Sejak beberapa dekad yang lalu, hal ini telah menyumbang kepada perubahan penting dalam struktur ekonomi negara, daripada struktur yang berasaskan eksport kepada struktur yang didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri, dan daripada terlalu bergantung pada sektor tertentu kepada pergantungan pada struktur ekonomi yang lebih pelbagai, dengan sektor perkilangan dan perkhidmatan kini beralih kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi.

Pada dasarnya, struktur ekonomi Malaysia kini ternyata lebih pelbagai dari segi sumber pertumbuhan. Walaupun sektor eksport kekal sebagai komponen penting dalam ekonomi negara, permintaan dalam negeri kini menjadi pemacu pertumbuhan yang utama, ditegarkan oleh aktiviti sektor swasta yang kukuh yang kini mencakupi 70% daripada KDNK. Antara faktor asas permintaan dalam negeri yang kukuh ini ialah perbelanjaan penggunaan yang mampan dan aktiviti pelaburan sektor swasta yang kembali pulih. Dari segi imbangan luaran, eksport dan pasaran yang lebih pelbagai membolehkan kedudukan imbangan pembayaran kekal kukuh. Oleh itu, meskipun terdapat kejatuhan harga komoditi, akaun perdagangan dan akaun semasa dijangka kekal positif, disokong oleh eksport perkilangan. Akaun kewangan pula dijangka diselaraskan secara teratur. Dalam tempoh yang sama, penstrukturan semula, rasionalisasi dan pembaharuan sektor kewangan, pembangunan institusi, pengukuhan rangka kerja pengawalan, penyeliaan dan perundangan serta pembangunan pasaran kewangan domestik juga telah membentuk sektor kewangan yang pelbagai dan meningkatkan keupayaannya untuk menyebarkan kejutan luaran ke seluruh sistem. Khususnya, pembaharuan kewangan juga termasuk peralihan kepada orientasi pasaran yang lebih besar dan sistem kewangan yang lebih liberal, yang memberikan fleksibiliti yang lebih tinggi untuk menyelaras terhadap kesan peralihan mudah tunai global. Sistem kewangan yang kini mendalam dan teguh turut disokong oleh paras permodalan yang tinggi serta paras mudah tunai yang mencukupi. Ini lantas memastikan pengantaraan kewangan terus berkesan dalam menyokong aktiviti ekonomi.

Oleh yang demikian, kedudukan Malaysia yang lebih teguh untuk mengurus cabaran luaran bukanlah disebabkan oleh dasar terkini mahupun langkah baharu yang diambil. Sebaliknya, penstrukturan semula ekonomi dan pembaharuan kewangan, serta pembangunan yang dilaksanakan sejak dua dekad yang lalu dan pembentukan beberapa lapisan penampan, yang telah membolehkan negara mengharungi persekitaran operasi semasa yang mencabar.

Asas-asas lain yang kukuh termasuklah kadar inflasi yang secara relatif rendah, tahap pengangguran yang rendah, kadar tabungan yang tinggi serta paras hutang luar negeri yang terurus, dengan kebanyakan daripada hutang luar negeri adalah bertempoh jangka sederhana hingga panjang, manakala lebih 40% daripada hutang tersebut adalah dalam denominasi ringgit. Kesemua faktor ini dan ditambah pula oleh rizab antarabangsa yang lebih daripada mencukupi telah memberikan fleksibiliti dasar kepada ekonomi untuk mengurus risiko luaran. Gabungan faktor ini akan membolehkan tindak balas dasar yang lebih berkesan untuk mengurangkan kesan kejutan luaran terhadap permintaan dalam negeri. Walaupun dasar monetari kekal akomodatif dan akses kepada pembiayaan meningkat, pelbagai langkah termasuk langkah kehematan makro dan percukaian dilaksanakan untuk mengekang paras hutang dan pengambilan risiko yang berlebihan. Ini bagi memastikan pertumbuhan dapat dicapai tanpa menjejaskan prospek masa depan kita.

Landskap Pelaburan Baharu Malaysia

Ciri dan profil pelaburan negara juga berkembang seiring dengan kemajuan Malaysia. Berbanding dengan tahun 1990-an, landskap pelaburan semasa yang dipacu oleh sektor swasta adalah lebih pelbagai dari segi geografi dan sektor, serta tertumpu pada aktiviti nilai ditambah yang tinggi dan bidang pertumbuhan baharu.

Sejak tahun 2010, Malaysia telah melalui tempoh peningkatan pelaburan dan terus mendapat manfaat daripada rekod prestasinya yang panjang sebagai pusat keuntungan syarikat multinasional yang besar. Malaysia kekal sebagai penerima pelaburan langsung asing. Ini terus diperkukuh oleh tahap perbelanjaan modal yang tinggi oleh syarikat Malaysia. Penubuhan koridor ekonomi wilayah juga telah mengembangkan dan mengubah landskap pelaburan Malaysia untuk menjadi lebih pelbagai dari segi geografi dan memperluas pembangunan di seluruh negara.

Kemunculan bidang pertumbuhan baharu di Malaysia seperti tenaga yang boleh diperbaharui (contohnya solar) dan separa konduktor dalam segmen yang berkembang pesat seperti automotif, peralatan perubatan dan telekomunikasi telah membolehkan Malaysia termasuk dalam rantaian bekalan global. Pelaburan dalam sektor perkilangan telah menjurus kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi, beralih daripada pengeluaran dan pemasangan asas kepada pengeluaran barangan dengan aplikasi canggih seperti dalam sektor automotif dan penjagaan kesihatan.

Sebagai negara yang terletak pada kedudukan strategik dalam lingkungan jarak yang hampir dengan dua ekonomi yang paling ramai penduduknya di dunia, iaitu China dan India, Malaysia pada amnya terletak di tengah-tengah Asia dan khususnya terletak di tengah-tengah ASEAN. Dengan pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Community, AEC), syarikat-syarikat akan mendapat manfaat daripada kesalinghubungan ekonomi yang lebih kukuh melalui liberalisasi merentas sempadan yang lebih luas dan peningkatan perdagangan dalam ASEAN. Firma-firma di rantau ini akan mendapat akses pasaran yang lebih luas kepada rantau ekonomi yang mempunyai 630 juta orang penduduk dengan hasil ekonomi sebanyak USD2.4 trilion.

Kepentingan Asia yang kian meningkat dalam ekonomi global telah menambah minat antarabangsa untuk mengenali Asia dengan lebih baik - dari perspektif ekonomi, perniagaan dan penduduk di rantau ini. Sehubungan dengan perkembangan ini, saya ingin mengumumkan bahawa Bank Negara Malaysia telah memeterai perjanjian kerjasama dengan Massachusetts Institute of Technology Sloan School of Management (MIT Sloan) untuk menubuhkan Asia School of Business (ASB) di Kuala Lumpur. ASB dijangka menjadi sekolah perniagaan terunggul yang akan membangunkan pemimpin berwawasan dan berprinsip yang akan menyumbang kepada masa depan yang lebih baik dan kemajuan dunia sedang pesat membangun.

Kesimpulan

Sebagai rumusan, saya ingin menyatakan bahawa kita sedang melalui fasa pertumbuhan ekonomi global yang sederhana, dalam persekitaran yang bercirikan ketidakpastian yang meningkat dan pasaran kewangan yang tidak menentu. Ekonomi Malaysia berjaya bertahan dalam tempoh yang mencabar ini, disokong oleh keadaan negara yang sedia kukuh dan tindak balas dasar yang cepat serta menyeluruh. Kekukuhan dalaman ekonomi Malaysia yang diperkuat oleh dasar penggalakan pelaburan yang lebih besar akan memastikan ekonomi lebih mampan pada masa depan. Akhir sekali, strategi untuk membangunkan kegiatan serantau yang aktif adalah penting buat Asia untuk mempertingkat kemakmuran ekonomi serantau. Malaysia telah mengambil bahagian yang aktif dalam usaha mengukuhkan hubungan dalam komuniti ASEAN dan mewujudkan peluang untuk membentuk integrasi ekonomi yang lebih erat. Usaha-usaha ini akan meletakkan ASEAN pada landasan untuk merealisasi potensi ekonominya dan membolehkan rantau ini secara satu kumpulan, terus makmur.

Persidangan PKS ASEAN 2015 – "Menghubungkan PKS ASEAN Menerusi Integrasi Kewangan" Kuala Lumpur, 27Mei 2015

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana pada petang ini saya berpeluang berucap pada Persidangan PKS ASEAN yang julung-julung kali diadakan ini. Persidangan ini berlangsung ketika rantau ASEAN sedang menghadapi tempoh yang mencabar lagi menarik. Meskipun prospek masa hadapan ekonomi global masih tidak menentu, ekonomi ASEAN telah menunjukkan tahap daya tahan yang tinggi. Ekonomi ASEAN telah meraih manfaat daripada usaha yang dilaksanakan selama lebih satu dekad untuk memperteguh asas-asas ekonomi dan sistem kewangan. Potensi ASEAN kini terus dipertingkat menerusi langkah-langkah untuk merancakkan integrasi ekonomi dan kewangan serantau. Khususnya, ASEAN telah mengambil peluang pada tempoh pertumbuhan dan kestabilan dalam dekad ini untuk secara konsisten terus meningkatkan usaha integrasi ekonomi dan kewangan yang lebih meluas bagi memanfaatkan peluang yang terbentang luas di rantau ini termasuk untuk masyarakat perniagaan PKS.

Ucapan saya pada hari ini akan menyentuh tiga aspek; potensi dalaman yang utama dalam blok ekonomi ASEAN, bagaimana sektor PKS bakal meraih manfaat daripada prospek ini, dan bagaimana integrasi kewangan yang lebih meluas boleh berfungsi menjadi pemangkin pertumbuhan dan pembangunan PKS.

ASEAN: Pusat Pertumbuhan Ekonomi Global

ASEAN telah muncul sebagai rantau penting dalam ekonomi global dan dikenali sebagai salah satu rantau paling dinamik di dunia. Rantau ASEAN mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dengan pertumbuhan KDNK purata jangka panjang sebanyak 5.3%, lebih tinggi daripada purata pertumbuhan global sebanyak 3.6%. Pada masa ini, sebagai satu entiti tunggal, ASEAN merupakan ekonomi keenam terbesar di dunia dengan KDNK yang hampir mencecah USD2.5 trilion. Dengan unjuran pertumbuhan KDNK tahunan sebanyak 5.4%[1] sepanjang tempoh enam tahun akan datang, rantau ASEAN bakal mencapai saiz ekonomi sebanyak USD3.7 trilion menjelang tahun 2020, empat kali ganda saiznya berbanding dengan sedekad yang lalu. Pertumbuhan rantau ini yang kukuh dan sifatnya yang dinamik telah disokong oleh struktur demografinya yang memberangsangkan. Berdasarkan bilangan penduduk yang melebihi 630 juta dan kelas pertengahan yang meningkat, ASEAN sedang melalui transformasi pesat menjadi hab yang berkembang maju dari segi permintaan pengguna. Menjelang tahun 2020, ASEAN dijangka mencatat penggunaan tambahan melebihi USD2 trilion. Trend ini diperkukuh oleh pendapatan yang meningkat di rantau ini, dengan pendapatan per kapita bertambah hampir tiga kali ganda dalam dekad ini.

Perkembangan pesat integrasi ekonomi ASEAN telah membolehkan rantau ini menikmati manfaat yang muncul daripada kepelbagaian dan kesalinglengkapan yang wujud merentas ekonomi ASEAN. Berikutan pengukuhan rantaian bekalan merentas sempadan di rantau ini, aktiviti perdagangan dan pelaburan dalam ASEAN meningkat dengan ketara sejak 15 tahun kebelakangan ini. Perdagangan dalam rantau (intra-regional) kini mencakupi hampir satu perempat daripada

[1] Prospek Ekonomi Dunia Tabung Kewangan Antarabangsa (April 2015)

jumlah perdagangan di rantau ini manakala aktiviti pelaburan dalam rantau meingkat empat kali kepada 17% daripada jumlah pelaburan sejak tahun 2000.

Sektor PKS yang kukuh dalam ekonomi ASEAN telah menjadi sebahagian penting dalam kemajuan ekonomi yang membanggakan ini. Pada masa hadapan, perkembangan dan pertumbuhan PKS ASEAN mempunyai potensi cerah untuk menyumbang kepada prospek serantau dan menjadi sumber penting pertumbuhan masa hadapan di rantau ini. PKS dianggarkan mencakupi antara 20 hingga 50% daripada KDNK merentas ekonomi ASEAN, merupakan lebih 96% daripada perusahaan di rantau, dan menyumbang 50 hingga 80% daripada jumlah guna tenaga.

Meskipun sumbangan PKS kepada pertumbuhan ekonomi dalam negeri terus meningkat dengan ketara, perdagangan dalam rantau di ASEAN terus dipacu oleh syarikat multinasional yang besar manakala sektor PKS sebahagian besarnya memainkan peranan sokongan dalam rangkaian pengeluaran serantau. Dengan itu, fasa seterusnya dalam proses integrasi ekonomi ASEAN sewajarnya tertumpu pada langkah mempertingkat peranan PKS dalam menyumbang kepada aktiviti ekonomi merentas sempadan. Bagi merealisasikan hasrat ini, inisiatif dasar dirumus untuk memastikan bahawa PKS di rantau ini akan menjadi sebahagian daripada rantaian nilai serantau dan dunia.

Memanfaatkan Prospek Pertumbuhan ASEAN

Usaha yang digembleng baru-baru ini untuk memupuk integrasi ekonomi dan kewangan ASEAN yang lebih meluas telah merintis jalan untuk PKS tumbuh dan berkembang maju. Pertama, ASEAN telah membolehkan PKS di rantau ini **mendapat akses kepada pasaran yang lebih besar dan lebih meluas**. Usaha untuk merealisasikan ASEAN sebagai satu komuniti ekonomi yang bersepadu bermakna manfaat yang bakal diraih PKS di rantau ini tidak lagi dikekang oleh sempadan negara masing-masing. Dengan wujudnya aliran barangan, perkhidmatan, modal dan insan merentas sempadan yang lebih mudah, ASEAN menawarkan peluang pasaran yang luas untuk PKS. Berikutan asas pengguna yang besar di ASEAN, PKS juga boleh menggunakan ASEAN sebagai platform untuk memperkukuh daya saing sebelum menembusi pasaran global.

Kedua, **pelonggaran halangan pengawalseliaan terhadap perdagangan** di dalam ASEAN telah menambah potensi untuk PKS. Penstandardan prosedur perdagangan, penghapusan halangan tarif dan bukan tarif dan penambahbaikan rangka kerja pengawalseliaan merentas rantau merupakan faktor tambahan. Ini bukan sahaja memberikan peluang sama rata kepada PKS untuk menjalankan perniagaan merentas rantau, tetapi juga memaksimumkan kelebihan bersaingan setiap ekonomi ASEAN. Perkara ini terbukti dengan kemunculan rantaian bekalan serantau, apabila pengurangan tarif bagi bahan mentah diimport telah mengurangkan kos pengeluaran, manakala penghapusan tarif bagi pelbagai produk akhir untuk dieksport di dalam ASEAN juga akan memanfaatkan PKS yang melaksanakan dagangan di dalam rantau. Oleh itu, penurunan tarif di dalam rantau serta pasaran serantau yang besar akan mewujudkan persekitaran yang membantu PKS berkembang dan mencapai skala dan kecekapan pengeluaran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran global. Di samping itu, pasaran ASEAN yang bersepadu juga akan membantu pencapaian piawaian global apabila PKS membuat penambahbaikan untuk mematuhi keperluan pematuhan yang lebih terselaras merentas rantau.

Ketiga, PKS juga akan mendapat manfaat daripada **usaha untuk mengukuhkan kesalinghubungan** di rantau ASEAN. Seperti yang dilaporkan dalam Pelan Induk mengenai Kesalinghubungan ASEAN, hala tuju strategi yang menyeluruh telah digariskan untuk menangani cabaran kesalinghubungan dalam tiga bidang utama, iaitu infrastruktur

fizikal, institusi dan modal insan di ASEAN. Kesalinghubungan yang makin meluas merentas ketiga-tiga dimensi akan menyediakan unsur-unsur fizikal dan insani yang diperlukan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang menyokong PKS.

Keempat, **pelbagai dasar yang khusus bagi PKS oleh negara anggota ASEAN** juga akan memberikan manfaat kepada PKS di rantau ini. Ini termasuk penubuhan program *internship* PKS serantau yang telah membantu PKS di tujuh negara ASEAN mempertingkat kemahiran pekerja mereka menerusi pertukaran kakitangan secara berstruktur dan penganjuran bengkel pembinaan keupayaan. Inisiatif lain yang terkini ialah pelancaran *ASEAN Marketplace* dalam talian yang bertujuan memberikan maklumat kepada PKS mengenai persekitaran perniagaan di setiap negara ASEAN dan satu direktori perniagaan PKS untuk membantu akses kepada pasaran di rantau serta potensi kerjasama antara PKS di seluruh rantau. Sehingga kini, lebih 1,000 PKS di seluruh rantau telah berdaftar dengan portal dalam talian ini. Pada tahun ini, lebih 20,000 perniagaan dijangka turut sama menyertai inisiatif ini. Pada masa hadapan, Pelan Tindakan Strategik ASEAN untuk Pembangunan PKS 2016-2025 juga akan menjurus pada usaha menggalakkan produktiviti, teknologi dan inovasi, akses kepada pembiayaan, mempertingkat akses pasaran dan pengantarabangsaan, di samping turut memantapkan persekitaran dasar dan pengawalseliaan, serta menggalakkan keusahawanan dan pembangunan modal insan.

Kelima dan akhirnya, PKS di rantau ini juga akan menikmati kelebihan daripada **hubungan ekonomi strategik ASEAN** dengan rantau Asia dan kawasan-kawasan lain di dunia, termasuk ekonomi maju dan rantau sedang pesat membangun yang lain. Beberapa negara telah memeterai perjanjian bilateral, termasuk perjanjian perdagangan dengan ASEAN untuk memperkukuh kerjasama ekonomi. Pengaturan berbilang hala dan dua hala ini mempunyai potensi untuk mewujudkan pelbagai peluang perniagaan baharu bagi PKS ASEAN.

Integrasi Kewangan Lebih Meluas sebagai Pemangkin Pertumbuhan untuk PKS

Saya akan menyentuh pula tentang prospek integrasi kewangan serantau yang lebih meluas dan potensinya untuk menyokong pertumbuhan PKS ASEAN. Berikutan kadar tabungan serantau yang tinggi iaitu kira-kira 30% daripada KDNK, wujud skop yang begitu luas untuk meraih manfaat daripada integrasi kewangan yang lebih meluas di rantau ini. Integrasi kewangan di ASEAN yang lebih pesat akan membantu mempertingkat pengantaraan dana yang lebih berkesan dan sekali gus peruntukan sumber yang lebih cekap di rantau ini. Ini membolehkan lebihan simpanan di satu negara disalurkan kepada pelaburan lebih produktif di negara lain di dalam rantau, lantas berfungsi sebagai pemangkin untuk mencapai pertumbuhan yang saling memperkukuh untuk ekonomi di rantau ini.

Walau bagaimanapun, sejumlah besar dana lebihan ASEAN kini disalurkan melalui pasaran kewangan antarabangsa sebelum dilabur kembali di rantau ini. Khususnya, lebih 90% daripada aliran pelaburan portfolio merentas sempadan disalurkan kepada ekonomi maju. Memandangkan pembiayaan infrastruktur sebanyak USD 1 trilion yang diperlukan oleh ASEAN dalam dekad akan datang[2], integrasi kewangan lebih meluas akan membantu penyaluran semula sekurang-kurangnya sebahagian daripada dana lebihan di rantau kepada peluang pelaburan yang produktif di dalam ASEAN. Integrasi kewangan serantau juga membolehkan pempelbagaian risiko aset yang lebih berkesan, termasuk aset asing di dalam rantau. Ini bukan sahaja mengurangkan risiko kepada perkembangan luar, malah menyumbang kepada usaha mencapai keadaan lebih stabil dalam pasaran kewangan serantau.

Susulan pembangunan sistem kewangan domestik di dalam ASEAN, fasa pembangunan berikutnya adalah untuk memupuk integrasi kewangan lebih meluas dalam pasaran perbankan, insurans dan modal dan menghubungkan sistem pembayaran

[2] Seperti yang dianggarkan oleh Bank Pembangunan Asia.

dan penyelesaian. Kehadiran lebih banyak institusi kewangan bakal menjadi penyumbang penting kepada pembangunan PKS di ASEAN. Ketersediaan pembiayaan merentas sempadan akan membantu PKS menginovasi, melabur dan seterusnya berkembang di dalam rantau. Di samping pembiayaan, PKS juga boleh memanfaatkan rangkaian dan khidmat nasihat bank-bank serantau dengan meluas untuk membantu dari segi penyesuaian dengan pelanggan serantau dan kemasukan ke dalam pasaran baharu. Ini boleh menjadi sumber maklumat yang penting tentang kedinamikan dan keperluan yang khusus sesebuah negara sebelum PKS meneroka pasaran baharu di rantau ini.

Era digital juga banyak menyokong perniagaan PKS. Penggunaan teknologi seperti perbankan mudah alih dan internet telah membantu institusi kewangan menyediakan perkhidmatan kewangan yang bermutu dan mampu dibayar kepada para pelanggan PKS serantau. PKS perlu memanfaatkan penambahbaikan teknologi ini, yang merangkumi penggunaan penyelesaian pengurusan rantaian bekalan dari mula hingga akhir yang menyepadukan aliran pengeluaran dengan aliran kewangan aktiviti PKS, lantas membantu pengembangan lebih meluas ke dalam rangkaian pengeluaran serantau.

Seiring dengan pendigitalan, proses integrasi kewangan akan memangkinkan pertumpuan rangka kerja keinstitusian merentas negara ASEAN untuk mewujudkan ekosistem pembiayaan serantau yang lebih berkesan. Infrastruktur dan instrumen keinstitusian tersebut termasuk skim jaminan kredit dan daftar kredit dan kolateral. Satu lagi contoh ialah metodologi Kumpulan Kerja PKS ASEAN untuk Penanda Aras ASEAN bagi Penarafan Kredit PKS untuk memudahkan penubuhan biro kredit di negara anggota ASEAN. Menerusi biro kredit ini, institusi kewangan akan mempunyai akses lebih luas kepada rekod kedit PKS yang diyakini, dengan itu memudahkan akses kepada pembiayaan bagi PKS.

Usaha menggalakkan rangkuman kewangan yang lebih meluas boleh dianggap sebagai langkah terakhir untuk mempertingkat dan memantapkan proses integrasi kewangan serantau. Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan dan Gabenor-gabenor Bank Pusat ASEAN pada bulan Mac tahun ini telah menjadikan agenda rangkuman kewangan sebagai keutamaan dasar serantau. Malah, ASEAN akan terus menyelaras dan mempergiat usaha untuk menggalakkan rangkuman kewangan, termasuk menangani isu-isu kewangan merentas sempadan bagi pembiayaan perdagangan dan pelaburan PKS. Langkah ini penting untuk memastikan manfaat integrasi serantau dinikmati oleh semua di rantau ASEAN.

Kesimpulan

Meskipun masa hadapan ASEAN cerah, perniagaan ASEAN termasuk PKS perlu mempertimbangkan dan meninjau strategi ASEAN serta menganggap ASEAN sebagai pasaran yang makin bersepadu. Sudut pandangan serantau atau antarabangsa ini mungkin menjadi titik perubahan untuk PKS, dan merintis jalan ke arah pertumbuhan yang mampan, pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan, dan keupayaan inovasi yang lebih tinggi.

Pembangunan sektor PKS yang mampu menyumbang kepada pertumbuhan lebih kukuh dan lebih saksama di rantau ini merupakan unsur penting dalam agenda ekonomi ASEAN. Cabaran seterusnya bagi PKS adalah untuk muncul sebagai peserta serantau yang tidak bergantung pada asas pelanggan dalam negeri. PKS berpotensi menyertai rangkaian pengeluaran global dengan memanfaatkan kekuatan dan prospek dalaman ASEAN, pelbagai inisiatif dasar yang tertumpu pada PKS serta integrasi kewangan serantau yang terus dilaksanakan. Semua ini untuk memudahkan PKS memperoleh manfaat yang besar daripada integrasi ekonomi dan kewangan serantau yang berterusan dan dengan itu menyumbang kepada pertumbuhan yan seimbang dan mampan di rantau ini.